

Received: 2020-09-04

Accepted: 2020-09-28

Published 2021-04-24

KEPIMPINAN STRATEGIK RASULULLAH S.A.W.: KAJIAN PERLAKSANAANYA OLEH KAGAT

*PROPHETIC STRATEGIC LEADERSHIP: A STUDY OF ITS IMPLEMENTATION BY
KAGAT*

Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi (PhD)*

*Corresponding Author, Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
ilhaamie@yahoo.com

dan

Abdul Ghani Ahmad Zaighu

SMKA Tampin, Negeri Sembilan
natrahghani@yahoo.com

ABSTRAK

Nabi Muhammad s.a.w. merupakan seorang yang maksum dan bebas daripada melakukan dosa. Justeru, kepimpinan Baginda perlu dijadikan contoh dan garispanduan bagi umat Islam tidak kira di mana mereka berada. Kajian ini berbentuk penyelidikan kuantitatif bertujuan untuk meninjau kefahaman anggota KAGAT mengenai kepimpinan strategik Rasullah SAW dalam peperangan Badar. Daripada kajian literatur, didapati sebanyak sebelas strategi kepimpinan Baginda iaitu berdoa dan bermunajat, motivasi jihad, melakukan mesyuarat tergempar, qiamullail, mengeratkan hubungan ukhuwah, melantik pimpinan sementara, menghantar beberapa pasukan dan unit perisik, mewujudkan perjanjian perdamaian dan perpaduan, memahami faktor geografi lokasi peperangan, mengkaji kekuatan musuh dan kreatif dalam merencana teknik peperangan terkini. Satu soalselidik telah disediakan dan dihantar kepada anggota KAGAT untuk melihat sejauhmanakah pemimpin strategik mereka melaksanakan strategi peperangan yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Sebanyak 151 soalselidik yang telah dilengkapkan berjaya dikutip daripada mereka. Kajian telah mendapati bahawa majoriti responden berpendapat amalan *qiamullail* merupakan amalan yang paling dilaksanakan oleh pemimpin strategik mereka dan ini dituruti dengan berbaiah (berjanji setia) dengan para sahabat untuk sama-sama berjuang dan mempertahankan kebenaran serta membentuk pemimpin pelapis. Ini menunjukkan bahawa tiga amalan ini merupakan amalan penting bagi memastikan kejayaan dapat diperolehi.

Kata Kunci: kepimpinan strategik, Badar, KAGAT, Rasulullah s.a.w.

ABSTRACT

Muhammad s.a.w. is a man free of sin. As a leader, he should be made an example of and guidelines for Muslims, no matter where they are. This study is a historical research aims to study the strategic leadership of Prophet s.a.w in the battle of Badr. It is found out from the literature review that there are eleven strategic leadership of Prophet s.a.w which are prayer and supplication, jihad motivation, calling for an urgent meeting, qiamullail, strengthening the bonds of brotherhood, appointing temporary leadership, sending some troops and intelligence unit, creating a peace agreement, understanding the geographical location of Badr battle, examining the power of the enemy and creative in planning the latest warfare techniques. A questionnaire was developed and distributed to KAGAT members to examine how far their strategic leaders have been implementing battle strategies that were practiced by Prophet s.a.w. This study found that majority of the respondents perceive that qiamullail is the most practiced by their strategic leaders and this is followed by pledge allegiance with the companions to equally fight and defend the truth and to appoint temporary leaders. This shows that these three practices are important in ensuring success will be obtained.

Keyword: strategic leadership, Badar, KAGAT, Rasulullah s.a.w.

PENGENALAN

Nabi Muhammad s.a.w. merupakan seorang yang syumul dan memberikan teladan yang lengkap dalam perjuangan untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan moral, spiritual dan sosial. Peribadi yang demikian agung itu melampaui batas-batas waktu dan ruang. Manusia di setiap masa dapat meneladani kehidupan baginda dalam pelbagai bidang kegiatan hidup, bagaimana baginda mengurus dan mentadbir, menasihat dan memimpin. Sehingga ciri-ciri dan gaya kepimpinan yang ditonjolkan baginda menjadi ikutan umatnya dan hasilnya, mereka dapat mengatasi dua tamadun besar ketika itu iaitu Rom dan Parsi. Pengurusan dan pentadbiran baginda berdasarkan prinsip syariah itu sendiri dan berpaksikan kesedaran beragama dan bernilaikan aspek kemanusiaan (Wan Liz).

Al-Quran dalam Surah al-Ahzab: 21, jelas menyebut tentang aspek kehidupan baginda:

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

Dan dalam Surah al-Qalam : 4 *“Dan Sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”*.

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. berasaskan kepada tanggungjawab yang disebut dalam sebuah hadis sahih yang dilaporkan oleh Ibnu Umar berbunyi : *“Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah ialah pemimpin manusia dan dia akan bertanggungjawab terhadap rakyatnya.”* (Riwayat Bukhari)

Artikel ini akan cuba untuk mengupas ciri-ciri kepimpinan strategik Rasulullah s.a.w. sebagai teladan dan contoh bagi kita semua dari segi tanggungjawabnya terhadap manusia dan rakyat.

SOROTAN KARYA

Definisi Kepimpinan Strategik

Menurut kamus Collins (1995), kepimpinan strategik merupakan kepimpinan yang menyediakan satu pelan umum untuk mencapai sesuatu matlamat, khususnya untuk jangka panjang, atau seni dalam merancang untuk mencari jalan terbaik bagi memperolehi kelebihan atau mencapai kejayaan, khususnya dalam perang. Manakala kamus Dwibahasa Oxford Fajar (2000) menjelaskan bahawa strategi bermaksud suatu perancangan dan pengurusan yang baik untuk mencapai tujuan tertentu.

Istilah strategik yang digunakan pada hari ini mengikut Kamus Dewan (1996) bermaksud kebolehan dalam mengurus sesuatu dan mempunyai hala tuju yang jelas. Menurut bahasa, dalam Kamus Dewan, perkataan kepimpinan berasal daripada kata dasar pimpin yang bererti bimbing, pandu, tunjuk dan sebagainya. Apabila perkataan tersebut ditambah awalnya dengan imbuhan ber-berpimpin, ia bermaksud berpegang tangan. Jika ditambah awalnya imbuhan memimpin, ia bermaksud memegang tangan untuk menunjuk jalan seperti menuntun, mengetuai, mengasuh dan sebagainya. Manakala jika ditambah awalnya dengan imbuhan pemimpin, ia bermaksud seseorang yang bertindak mengetuai atau memimpin sesebuah masyarakat dan lainnya.

Perkataan strategik diambil daripada perkataan Greek iaitu ‘*Strategia*’ yang membawa maksud fungsi seorang jeneral. Konsep ini mula digunakan sejak berkuruun yang lalu. Sewaktu Perang Dunia Pertama, pihak German menggunakan konsep ‘perang strategik’ untuk menewaskan musuh mereka. Slogan yang ditanam di jiwa setiap pejuang mereka adalah ‘satu peluru, satu musuh’ dan ini memang memberi kesan yang memuaskan ketika itu. Konsep yang digunakan ini dapat mengurangkan pembaziran peluru dan berjaya menanamkan semangat juang yang tinggi di jiwa mereka (Edaris Abbu Bakri, 2005). Dengan demikian, dapatlah dirumuskan bahawa strategi bermaksud “suatu perancangan rapi dan tersusun melalui pendekatan-pendekatan tertentu bagi menghasilkan kejayaan, sama ada di peringkat jangka pendek maupun jangka panjang”.

Hashim al-Talib (1992) mentakrifkan kepimpinan sebagai satu proses yang menggerakkan sekumpulan manusia menuju ke suatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang tidak memaksa. Bagi Ahmad Ibrahim Abu Sin, beliau menggariskan tiga asas utama yang terdapat dalam sesuatu kepimpinan. Ketiga-tiga asas tersebut ialah :

- i. Kumpulan manusia itu mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang atau lebih;
- ii. Kumpulan yang dibentuk mempunyai tujuan dan hasrat yang sama;
- iii. Seorang ketua yang mendapat sokongan dari semua pihak dilantik demi untuk menjayakan tujuan kumpulannya.

Pemimpin hendaklah menunjukkan kemampuan bekerjasama dalam mengurus organisasi menuju matlamat yang dicita-citakan. Hal ini tidak akan tercapai melainkan dengan wujudnya jalinan erat antara pemimpin dengan pihak yang dipimpin tanpa adanya garis pemisah antara satu sama lain. Malah pemimpin itu sendiri hendaklah menjadi contoh dalam segenap aspek kebijakan dan tindak tanduknya (Abu Sin, 1991).

Apa yang digariskan oleh Ahmad Ibrahim (1991), jelas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan orang bawahan terdapat hubungan dua hala serta sentiasa memberi galakan antara satu sama lain. Ini bererti pemimpin bukan sahaja memberi galakan kepada kakitangannya malah sanggup menerima teguran, cadangan serta pandangan dari kakitangannya. Sikap memberi dan menerima seperti yang disebutkan merupakan satu unsur penting dalam institusi kepimpinan.

Aida Hanim dan Kalaimani (2020) mendefinisikan kepimpinan strategik sebagai seorang pemimpin yang melakukan perancangan dengan sangat berkesan, sentiasa memberi peluang kepada pengikutnya untuk mengemukakan pandangan dan idea baru, dan memberi pujian kepada siapa yang berhak serta menggalakkan penyertaan mereka.

Apa yang difahami daripada segala takrif di atas dapatlah disimpulkan bahawa kepimpinan strategik dalam pengurusan adalah suatu kemampuan menyusun dan mengarah semaksimum tenaga satu kumpulan untuk mencapai matlamat yang telah dirancang.

Sifat dan Ciri Pemimpin Strategik

Pemimpin yang strategik dan ideal dalam Islam adalah pemimpin yang mempunyai sifat-sifat sepertimana yang ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Banyak ayat-ayat al-Quran telah memaparkan sifat-sifat pemimpin yang ideal dalam Islam. Di antara ayat tersebut ialah :

Firman Allah dalam Surah an-Nisa' ayat 59;

"Wahai orang-orang yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulit-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu, kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

Beriman dan taat kepada perintah Al-Quran dan as-Sunnah antara ciri pemimpin yang paling ideal dalam Islam. Menurut pandangan pemikir-pemikir Islam terkenal seperti al-Farabi, Ibnu Khaldun dan al-Ghazali, sifat-sifat seorang pemimpin Islam adalah seperti berikut;

i. Berpengetahuan

Seseorang pemimpin itu mestilah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup, kerana tanpa ilmu pengetahuan pimpinannya akan terumbang-ambing.

ii. Keadilan

Keadilan merupakan syarat penting bagi seseorang pemimpin. Keadilan menurut mereka ialah keadilan dalam mengawal nafsu, yakni meletakkan akal di atas dan nafsu di bawah.

iii. Kecerdasan

Kecerdasan merupakan sifat yang perlu bagi seseorang pemimpin. Dengan memiliki kecerdasan pemimpin dapat menggunakan akal dengan bijaksana untuk menyelesaikan masalah secara spontan, tepat dan meyakinkan.

iv. Keberanian dan ketabahan

Keberanian merupakan syarat penting bagi seseorang pemimpin. Sifat keberanian dan ketabahan adalah perlu dalam melaksanakan pentadbiran serta menempuh godaan dan dugaan.

v. Kesempurnaan pancaindera dan tubuh badan

Seseorang pemimpin hendaklah sempurna pancaindernya iaitu pendengaran, penglihatan, percakapan, pembauan dan rasa. Begitu juga telah ada pemuaafakan di dalam Islam bahawa akal yang waras adalah aspek yang penting dalam kepimpinan.

vi Kedudukan, pangkat dan kekayaan

Menurut Embong (2007), Al-Farabi menggariskan bahawa pangkat dan kekayaan adalah juga merupakan syarat bagi seseorang pemimpin kerana dengan kekayaan seseorang itu dapat melaksanakan pentadbiran dengan baik. Bagaimanapun, keadaan ini bukanlah mutlak tetapi sebagai kelebihan sahaja.

Membicarakan tentang kepimpinan strategik, ia tidak dapat dipisahkan dengan menyentuh persoalan pemimpin. Fungsi utama seseorang pemimpin ialah menggubal cipta visi dan misi organisasi yang dipimpinnya serta mencipta strategi-strategi bagi mencapainya.

استراتيجية القيادة الفعالة \ الإجراءات الإستراتيجية الناجحة \ صياغة الإستراتيجية التأافية عوائد فوق المتوسط
\\ تنفيذ استراتيجية

Kejayaan visi dan misi yang telah ditetap dan dirancang oleh barisan kepimpinan bergantung kepada keberkesanan strategik yang telah dilakar oleh pemimpin yang berkarisma (Empong, 2007). Apabila memimpin organisasi, mereka memberikan visi dan misi yang amat jelas kepada organisasi yang mereka pimpin. Mereka juga memberikan misi dan perjuangan yang jelas kepada para pengikutnya (Hassan & Ainon, 2007). Pemimpin mesti menguasai dan sentiasa memahami bagaimana untuk mempengaruhi kerja orang bawahannya dan menguasai perasaan serta persekitaran. Pengurusan dan pelaksanaan kerja yang berdaya saing, menepati sasaran dan objektif akan dapat melahirkan pulangan yang diharapkan (Ireland, Hoskisson & Hitt, 2009). Kepimpinan strategik yang baik, cemerlang dan terancang kemas organisasinya dari segenap aspek dapat melahirkan kepimpinan karismatik.

Sifat dan Ciri Kepimpinan Strategik Rasulullah s.a.w

Kepimpinan strategik Rasulullah s.a.w. pula dapat digambarkan melalui pelan bertindak yang penuh bijaksana dalam pelbagai situasi yang amat berkesan seperti mempamerkan ketokohan dan kepakaran kepimpinan dalam peristiwa meletakkan semula Hajar al-Aswad ke tempat asalnya yang hampir-hampir mendatangkan pertumpahan darah (al-Buti, 1989), memperlihatkan imej keperibadian yang unggul pada pandangan kawan dan lawan dengan memiliki sifat amanah yang amat tinggi dan sangat dipercayai (al-Buti, 1989), memperkenalkan dakwah secara terbuka (al-Buti, 1989) selepas dakwah secara *sir* (rahsia), memilih rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai lokasi paling strategik tempat menggerakkan aktiviti, melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dengan mewujudkan khidmat perubatan yang dikenali dengan *al-Rufaidah al-Islamiyah* (Ibnu Hisyam, 1955), memiliki visi dan misi strategi jangka panjang yang cukup terancang dalam membentuk Negara Islam. Di mana sebarang usaha dan perancangan yang dilaksanakan dengan penuh teliti dan terancang bagi memperolehi hasilnya (Baharom, 1998) yang mana proses ke arah itu hanya dapat direalisasikan melalui penyebaran Islam yang bersungguh-sungguh dan dengan strategi yang mantap (Kamil, 1994) serta strategi jangka pendek iaitu sebarang usaha dan perancangan yang dilaksanakan dengan penuh teliti dan cermat bagi mencapai matlamat yang dikehendaki, serta kejayaannya dapat diperolehi dalam tempoh yang agak singkat (Kamil, 1994) sebagaimana kebijaksanaan Rasulullah dalam mengelirukan musuh dan menggunakan kepakaran tertentu seperti peristiwa Rasulullah s.a.w. bersama Abu Bakar bersembunyi di Gua Tsur, baginda mengamanahkan kepada anak Abu Bakar bernama Abdullah yang menetap di Mekah agar

membuat laporan sepanjang masa, terutamanya maklumat konspirasi pemimpin Quraish yang berusaha untuk menangkap Rasulullah s.a.w (Ibnu Jauzi).

Dalam situasi peperangan Badar, terhimpun dalam diri Rasulullah s.a.w. bakat-bakat kepimpinan strategik yang menyeluruh iaitu amat berani dan mampu menguasai diri dan situasi (Ibnu Jauzi), amat sabar dan tabah menghadapi cabaran (Haikal, 1989), pintar dan bijak bertindak (Ibnu Hisyam, 1955), sangat adil, bertimbang rasa dan begitu mementingkan layanan yang terbaik (Ibnu Hisyam, 1955), keperibadian yang luhur (Ibnu Hisyam, 1955), keyakinan hakiki ('Afana & Yaakub, 2005), berpandangan jauh, ('Afana & Yaakub, 2005) memahami psikologi dan kemampuan orang bawahannya (Ibnu Hisyam, 1955), begitu berdisiplin (Ibnu Hisyam, 1955), berpesan-pesan dengan kebaikan dan berakhhlak mulia (Ibnu Hisyam, 1955), seorang yang bertanggungjawab kepada tawanan perang (Ibnu Hisyam, 1955).

Peperangan Badar

Peperangan Badar merupakan peperangan yang termashur berbanding perang-perang lain. Ianya berlaku pada pagi 17 Ramadhan tahun ke dua hijrah. Ini kerana Nabi s.a.w menugaskan satu delegasi para sahabatnya supaya menghalangi satu kafilah Quraish yang kembali dari Syam menuju ke Mekah dan bukannya bertujuan untuk berperang. Namun begitu, kafilah yang dipimpin oleh Abu Sufian berjaya menyelamatkan diri dan menghantar utusan supaya kembali kepada kaum Quraish memohon bantuan untuk menyelamatkan dagangan tersebut.

Dalam peperangan tersebut, jumlah kaum Muslimin lebih kurang 313 tentera sahaja, 240 terdiri dari golongan Ansor manakala selebihnya adalah dari golongan Muhibbin. Bersama mereka dua ekor kuda perang sahaja, 70 ekor unta yang dikongsi bergilir dua, tiga dan empat orang untuk seekor unta yang bertugas membawa bekalan dan minuman. Dengan kesabaran dan keimanan, kaum Muslimin telah diberi kemenangan oleh Allah ﷺ.

Peperangan Badar merupakan *tajribah* (percubaan) pertama kepada kaum Muslimin untuk berkorban dan berperang di jalan Allah ketika mereka berada dalam situasi yang sangat lemah dan sedikit. Juga merupakan *tajribah* pertama kepada mereka berdepan dengan limpahan harta rampasan perang sejurus berakhirnya perang Badar, ditambah dengan keadaan mereka yang fakir dan sangat memerlukan harta. Dengan hikmah *Ulubijyah*, Allah ﷺ telah meneguhkan hati-hati mereka dan mententeramkan jiwa-jiwa mereka ketika berdepan dengan *tajribah* peperangan tersebut ditambah pula dengan diri mereka yang serba lemah (Ibnu Hisyam, 1955).

Mereka juga diuji dengan harta rampasan perang yang banyak di saat mereka amat memerlukannya. Dengan hikmah *Ulubijyah* dan tarbiyyah yang mantap dalam diri mereka, terpancarlah kesan *tajribah* ini dalam dua gambaran sejurus selepas berakhirnya peperangan ini.

Kepimpinan strategik yang diterapkan oleh Rasulullah s.a.w. jelas menunjukkan bagaimana kelengkapan senjata yang amat tidak mencukupi dan pejuang yang sedikit mampu mengatasi musuh yang lengkap dari semua posisi fizikalnya. Inilah inspirasi yang perlu dibongkarkan.

Rasulullah s.a.w. memang menyediakan suatu strategi kepimpinan yang mantap bagi membentuk sebuah negara Islam yang dinamik yang dapat dilihat menerusi perlombagaan Madinah. Keistimewaan semua strategi Rasulullah s.a.w. menghasilkan kejayaan amat cemerlang dan gemilang dikenang dan dikaji sepanjang zaman. Keberhasilan strategi

kepimpinan mantap Rasulullah s.a.w. telah mengubah lanskap tamadun purba kepada tamadun Ilahi yang bersifat universal dalam semua aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan, kemasyarakatan, ekonomi, politik, sosial, pendidikan, hubungan antarabangsa dan lain-lain.

Ketokohan Rasulullah s.a.w. cuba dikupas dalam penulisan ini disebabkan oleh kebijaksanaan dan kehebatan baginda dalam mengatur pelbagai perancangan mantap bermula dari sudut pemilihan keanggotaan, sehinggalah kepada melancarkan serangan. Sebagai contoh, dalam siri ketenteraan Rasulullah s.a.w telah melalui tiga *marhalah* (peringkat) iaitu: Marhalah pertama ialah: *Marhalah ad-Difa'* (Pertahanan). Baginda memperkuatkan sistem pertahanan dan mengambil langkah-langkah yang segera dan perlu untuk mempertahankan Madinah daripada serangan dan pencerobohan orang kafir dan juga dari kegiatan-kegiatan *subversif* dan pengkhianatan orang-orang Yahudi dan Munafik di Madinah (Rahman, 1990). Marhalah yang kedua ialah: *Marhalah al-hujum* (Melancar serangan) di mana baginda merencana satu sistem latihan yang *extensive* (meluas) bagi pemuda-pemuda dalam penggunaan senjata dan kemahiran berperang dan pada waktu yang sama menambahkan jumlah senjata dan lain-lain kelengkapan perang agar musuh tidak akan berani atau menyerang negara dan masyarakat Islam pada bila-bila waktu pun (Rahman, 1990). Marhalah yang ketiga ialah: Marhalah *at-Takamul* (Kesempurnaan). Dalam marhalah ini, telah sempurna kekuatan-kekuatan Muslimin hingga menguasai sepenuhnya Semenanjung Tanah Arab tanpa ada kuasa yang mampu menandinginya dan buat pertama kali dalam sejarah, tanah Arab berjaya disatukan di bawah kesatuan panji-panji Islam. Penulis tidak akan memfokuskan perbincangan tentang senjata-senjata yang diguna pakai, perjalanan peperangan dan seumpamanya, tetapi perbincangan lebih tertumpu kepada strategi dan polisi, gaya kepimpinan dan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. untuk diteladani oleh kepimpinan hari ini dalam membentuk angkatan tentera Islam yang benar-benar menepati piwaian sunnah Rasulullah s.a.w.

Secara keseluruhannya, kepimpinan strategik Rasulullah s.a.w. telah berjaya menjana kemenangan umat Islam dalam peperangan Badar ini. Seterusnya, menimbulkan perasaan gementar dan ketakutan ke dalam hati Mushrikin Mekah.

Strategi Kepimpinan Strategik Rasulullah S.A.W Dalam Peperangan Badar

Ibnu Hisham dalam Sirah Nabawiyah telah menjelaskan beberapa strategi Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Badar bagi mempastikan kemenangan hakiki kaum Muslimin ke atas Mushrikin, iaitu ;

1. Berdoa dan bermunajat

Ketika Rasulullah s.a.w. melihat ketibaan kafir Quraish turun dari bukit pasir (Rahman, 1990), Baginda bersabda;

اللَّهُمَّ هُوَ فُرِيشْ قَدْ أَفْبَلْتِ بِخَيْلَنَّهَا وَفَخْرَهَا، تُحَدِّثُكَ وَتُكَبِّبُ زَسْوَلَكَ، اللَّهُمَّ فَقْصِرْنَكَ الَّذِي وَعَدْتَنِي، اللَّهُمَّ أَحْنِهُمُ الْغَدَاءَ .

Maksudnya : “Ya Allah, inilah orang-orang Quraish datang dengan keangkuhan dan kesombongannya untuk memusuhiMu dan mendustai RasulMU. Ya Allah, berilah pertolonganMu yang Engkau telah janjikan kepadaku. Ya Allah binasakan mereka pada pagi ini.”

Setelah meluruskan barisan para sahabat, Rasulullah s.a.w. kembali ke khemahnya dengan ditemani oleh Abu Bakar. Tidak ada seorang pun selain mereka berdua. Rasulullah s.a.w. bermunajat dan merayu kepada Tuhananya, “Ya Allah, jika Engkau binasakan kumpulan yang kecil ini pada hari ini, nescaya Engkau tidak lagi disembah lagi” (Rahman, 1990)

2. Motivasi Jihad

Rasulullah s.a.w. keluar dari arishnya menemui para sahabatnya dan memberi motivasi kepada mereka untuk berperang. Baginda bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ ، لَا يُقَاتِلُهُمُ الْيَوْمَ رَجُلٌ فَيَقْتُلُ صَابِرًا مُحْسِبًا ، مُغْلَأٌ غَيْرُ مُدْبِرًا ، إِلَّا دَخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ .

“Demi jiwa Mubammad yang berada dalam genggaman tanganNya. Tidak ada seorang pun yang memerangi mereka pada hari ini dengan penuh kesabaran dan mengharapkan reda Allah, terus maju tanpa undur, melainkan Allah akan memasukkannya ke dalam syurga.” (Rahman, 1990)

3. Mesyuarat tergempar

Apabila kaum Mushrikin telah mengerah sepasukan tentera yang besar untuk memerangi Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin, baginda telah mengadakan mesyuarat tergempar yang menurut pendapat yang terkuat berlaku pada pertengahan bulan Ramadhan di lembah Zifran, dianggap sebesar-besarnya dan sepenting-pentingnya mesyuarat atau muktamar dalam sejarah Islam bagi memutuskan sebesar-sebesar perkara yang dihadapi oleh kaum Muslimin di awal fajar dakwah Islam di muka bumi ini. Saidina Abu Bakar merupakan jurucakap pertama dalam mesyuarat tersebut (al-Basya, 1996). Dalam pelbagai situasi yang lain, Abu Hurairah pernah menyatakan; “Aku tidak pernah melihat orang yang paling bermesyuarat dengan para sahabatnya melainkan Rasulullah s.a.w.” (Afanaah & Yaakub, 2005)

4. Qiamullail

Pada malam sebelum meletusnya peperangan Badar, Saidina Ali menyatakan;

مَا كَانَ فِينَا فَارِسٌ يَوْمَ بَدْرٍ غَيْرُ الْمُقْدَادِ ، وَلَقَدْ رَأَيْتَنَا وَمَا فِينَا إِلَّا نَائِمٌ إِلَّا رَسُولُ اللَّهِ يُصَلِّي تَحْتَ شَجَرَةَ وَيَبْكِي حَتَّى أَصْنَعَ

“Tidak ada di kalangan kami yang menunggang kuda melainkan Miqdad. Pada malam itu, kami melihat semuanya tidur melainkan Rasulullah s.a.w. terus menerus menuaikan solat di bawah sebatang pokok dan menangis sehingga ke Subuh.” (ad-Damsyiqi, 2000)

Walaupun Rasulullah s.a.w. sahaja yang menuaikan solat pada malam itu, tetapi inilah gambaran penting yang perlu diteladani oleh semua pimpinan Islam hari ini. Program tarbiah Islam ini diteruskan oleh Rasulullah s.a.w. dengan mengajar mereka menuaikan solat, sebagai ibadah pertama dan utama yang ditunaikan oleh para sahabat (Al-Mubarakafuri, 2000).

5. Mempereratkan hubungan *ukhwah* (persaudaraan) yang hakiki.

Rasulullah s.a.w berjaya menyatukan persaudaraan hakiki di antara golongan Muhibbin dan Ansor sehingga mereka telah berbaik-baik berjanji taat setia untuk sama-sama berjuang dan mempertahankan Rasulullah s.a.w. (Ibnu Hisyam, 1955) Persaudaraan ini terjalin dalam semua keadaan dan situasi menerusi baik yang diperlihatkan.

Dalam perang Badar dapat dilihat bagaimana seorang sahabat yang bernama Sawad bin Ghaziyyah daripada kaum Ansar yang asalnya menuntut qisas daripada Nabi s.a.w. yang didakwa telah menyakitinya ketika Nabi sedang meluruskan barisan tentera Islam, namun akhirnya; dia memeluk erat tubuh Nabi s.a.w. dan mencium perut Baginda. Beliau berkata; “Wahai Rasulullah, aku hadir di sini seperti yang engkau saksikan. Aku berazam menjadikan akhir perjanjianku denganmu ialah kulitku menyentuh kulitmu.” (Azan & alBanna, 2013).

Rasulullah s.a.w telah berjaya menanam rasa cinta yang mendalam di hati para sahabat sehingga sanggup berkorban jiwa raga demi Islam dan Rasulullah s.a.w. Sejarah telah memaparkan peristiwa ketika perang Uhud apabila Kaum Mushrikin telah memberi tekanan hebat untuk membunuh Nabi s.a.w. Namun, para sahabat bertali arus menahan dan menempis

puluhan anak panah dan bilasan pedang mempertahankan baginda dengan tubuh badan mereka sendiri ('Armush, 1991).

6. Pelantikan pimpinan sementara (Pemangku)

Rasulullah s.a.w. keluar dari Madinah pada hari Isnin 8 Ramadhan dan melantik 'Amr bin Ummu Makhtum sebagai pengganti baginda mengimani solat di Madinah. Baginda juga turut melantik Abi Lubabah dari ar-Rauha' sebagai pengganti baginda di Madinah (Ibnu Hisyam,1955). Betapa pentingnya menyerahkan kuasa sementara kepada pemegang amanah agar keselamatan pentadbiran sentiasa terurus baik dan kemas. Inilah yang telah dipraktikkan oleh baginda Rasulullah s.a.w.

7. Penghantaran beberapa *saraya* (pasukan kecil) dan unit perisikan

Rasulullah s.a.w. telah mengutus Basbas bin 'Amr al-Jihani dari Bani Saidah dan 'Adiy bin Abi az-Zaghba' al-Juhani sekutu Bani an-Najjar untuk pergi ke Badar bagi mencari maklumat tentang Abi Sufyan (Azan & alBanna, 2013). Pengutusan pasukan-pasukan kecil ini di samping mencuri maklumat, bertujuan memusnahkan kekuatan semangat orang-orang Quraish, mengelirukan pergerakan dan melemahkan kegiatan perdagangan mereka. Juga bermatlamat untuk mendapatkan aliran perbekalan dan persenjataan. Di samping memperlihatkan kekuatan terhadap Yahudi bahawa mereka telah menguasai Madinah (al-Qaid, 1974). Rasulullah s.a.w juga telah mengutus 'Ali bin Abi Talib, az-Zubair bin al-Awwam dan Sa'ad bin Abi Waqqas bersama beberapa orang sahabat pergi mencari maklumat tentang punca air di Badar (Ibnu Hisyam,1955).

Antara objektif penubuhan pasukan ialah ;

- i. Melatih kaum Muslimin berperang dalam pelbagai situasi baru yang berbeza dengan corak peperangan Jahiliah.
- ii. Memperkuatkhan semangat juang kepada kaum Muslimin.
- iii. Meninjau lokasi-lokasi persekitaran Madinah, laluan-laluan dan perhubungan, juga sumber-sumber air, sebagai persiapan menghadapi peperangan sebenar yang akan berlaku di kawasan sekitar. Seterusnya, memperkuatkan hubungan ukhuwwah di antara Muhajirin dan Ansar ('Armush, 1991).

8. Mewujudkan perjanjian perdamaian dan perpaduan dengan suku-suku kabilah Madinah

Perpaduan merupakan teras kekuatan yang paling penting dalam menyusun atur struktur masyarakat Madinah yang terdiri dari pelbagai suku kaum Arab, yang terbesarnya ialah kabilah 'Aus dan Khazraj, di samping masyarakat Yahudi yang terdiri daripada Bani Quraizah, Bani Qainuqa' dan Bani Nadir, ke arah masyarakat penyayang, bersatu padu, tolong menolong dan harmonis.

Permusuhan yang berlarutan di antara kaum 'Aus dan Khazraj secara turun menurun sejak 120 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. telah diambil kesempatan oleh kaum Yahudi sama ada dari segi politik mahupun ekonomi sehingga meluaskan lagi empayar mereka untuk mendominasikan kekuatan Yahudi terhadap orang-orang Arab (al-Syaibani, 1982).

Strategi awal, Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarkan masyarakat 'Aus dan Khazraj atas nama Islam. Berikutnya Rasulullah s.a.w telah mempersaudarkan (التأخي) dua kelompok

besar iaitu Muhažirin dan Ansar sehingga menjalinkan jaringan ukhuwwah yang disebut sebagai al-I'thar (mengutamakan hak dan kepentingan orang lain lebih daripada diri sendiri) (Qutb, 1980).

Terakhirnya pula, Rasulullah s.a.w. telah mengikat perjanjian di antara kaum Muslimin Madinah dengan masyarakat Yahudi yang perjanjian dan persefahamannya terkandung dalam Piagam Madinah (Ibnu Kathir, (1978). Kesemuanya ini merupakan perkara asas kepada kemenangan dalam peperangan Badar.

9. Memahami faktor geografi lokasi peperangan

Ketika dalam perjalanan ke Badar, baginda dan para sahabat telah bertemu dengan sebuah desa yang dikelilingi oleh dua gunung (Azan & alBanna, 2013) yang dikenali dengan nama “*Muslib*” dan “*Mukhzi*”. Baginda turut bertanya tentang perihal penduduk yang mendiami desa tersebut. Rasulullah s.a.w. tidak menyukai nama dua gunung tersebut dan penduduknya sehingga baginda tidak melewati kedua gunung dan desa tersebut yang berada di sebelah kiri. Sebaliknya, meneruskan perjalanan ke kanan melewati lembah *Dzafiran* (Ibnu Hisyam,1955) untuk mengelak perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Pemilihan lokasi perang yang berdekatan dengan air telaga hasil saranan al-Hubab bin al-Mundzir sangat membantu Rasulullah s.a.w mencapai kemenangan. Betapa pentingnya lokasi strategik dalam peperangan diutamakan agar perancangan yang diatur tidak berakhir dengan sia-sia atau membawa kepada kesusahan dan pembaziran masa dan tenaga.

10. Mengkaji kekuatan musuh

Ketika Rasulullah s.a.w. mengutusi beberapa orang sahabat mencari maklumat kekuatan musuh, mereka telah berjaya menangkap unta milik orang-orang Quraish dan menahan dua hamba sahaya, iaitu Aslam dari Bani al-Hajjaj dan 'Aridh Abi Yasar dari Bani al-'Ash bin Said.

Kedua-duanya ditanya oleh Rasulullah s.a.w. ; “*Cuba jelaskan kepada kami maklumat tentang orang-orang Quraish.*” Keduanya menjawab; “*Demi Allah, mereka berada di sebalik bukit pasir yang engkuu lihat ini.*” Rasulullah s.a.w bertanya; “*Berapa jumlah mereka.*” Mereka menjawab; “*Mereka ramai sekali.*” Rasulullah bertanya; “*Apakah persenjataan mereka.*” Mereka menjawab: “*Kami tidak tahu.*” Rasulullah s.a.w. bertanya; “*Berapa haiwan ternakan yang mereka sembelih setiap hari.*” Mereka menjawab: “*Dalam sehari kadang-kadang mereka menyembelih sembilan atau sepuluh ekor.*” Rasulullah pun bersabda; “*Kalau begitu jumlah mereka antara sembilan ratus hingga seribu orang.*” (Ibnu Hisyam,1955)

Rasulullah s.a.w. mengenali nama-nama pemimpin yang disebut oleh kedua hamba itu, sebagai pemuka-pemuka utama dan ganas terhadap Islam dan menjangkakan peperangan ini merupakan peperangan sengit. Kemenangan dalam sesuatu peperangan memerlukan pengkajian teliti terhadap kekuatan musuh yang kemungkinan memerlukan beberapa masa untuk mengalahkan musuh. Lihatlah sejarah tanah Melayu apabila Jepun ingin menakluk Malaya, sebelum mereka menyerang mereka turun padang sebagai rakyat biasa dan meronda segenap lorong-lorong kampung mencari maklumat dan mengenali beberapa pemuka-pemuka Melayu sebagai panduan sebelum melakukan serangan seterusnya menawan Malaya.

11. Kreatif dalam merencana teknik peperangan terkini

Dalam peperangan Badar, Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin telah menggunakan teknik peperangan baru yang dikenali sebagai *as-sufuf*, manakala Mushrikin menggunakan teknik peperangan lama yang dikenali sebagai *al-Karru wal farru* (*Serang dan undur/ attack and retreat*).

Teknik *al-Karru wal farru* bermaksud serangan maksimum yang dilakukan oleh tentera-tentera terhadap musuh, disertai serentak oleh pasukan pemanah, menggunakan pedang, lontaran lembing, tentera berjalan kaki dan tentera berkuda. Jika musuh masih kuat bertahan atau mereka merasakan akan tewas mereka akan berundur, kemudian berpatah semula menyusun barisan tentera dan menyerang kembali. Beginilah keadaan, mereka akan menyerang dan berundur sehingga mencapai kemenangan atau tewas. Teknik seperti ini adalah teknik perang yang biasa dipraktikkan orang bangsa 'Arab dalam siri-siri peperangan mereka.

Teknik *as-Sufuf* belum lagi dikenali dalam dunia 'arab sebelum ini. Pasukan tentera akan disusun kepada dua barisan atau tiga barisan atau lebih mengikut jumlah mereka sebagaimana barisan-barisan solat. Barisan hadapan dibarisi oleh pasukan lembing dan tombak bagi menyekat serangan-serangan tentera berkuda. Barisan berikutnya pula dibarisi oleh pasukan pemanah bagi menghalangi musuh-musuh yang menyerang. Barisan-barisan tentera ini sentiasa berada di posisi masing-masing menerima arahan dari pemimpinnya, sehingga apabila keadaan perang menjadi terlalu sengit, maka barisan-barisan tentera akan bergerak maju saling bergantian menyerang musuh.

Teknik *sufuf* yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w ini berbeza dengan teknik *al-Karru Wal Farru* yang dipraktikkan oleh Bangsa 'Arab kerana ia lebih menjamin jalinan keseimbangan kekuatan para tentera. Ketua tentera masih terus berkeupayaan dan berkemampuan memantau dari segala situasi yang tidak dijangka-jangka. Bahkan dia boleh menghalang serangan musuh atau boleh mematahkan serangan hendap yang akan berlaku bila-bila masa. Ketua juga berupaya memelihara dari segenap sudut yang terancam oleh ancaman musuh samada melalui tentera berkuda atau tentera penjalan kaki. Ditambah pula dengan keistimewaan teknik ini, ia sesuai untuk menyerang dan bertahan dalam satu masa. Manakala teknik *al-Karru Wal Farru*, ketua tentera boleh kehilangan kawalan terhadap keseimbangan kekuatan dan dia mungkin tidak akan dapat menjamin apa-apa kejayaan lebih-lebih lagi untuk menguasai pelbagai situasi yang akan berlaku tiba-tiba ('Afanah & Yaakub, 2005).

KAEDAH PENYELIDIKAN

Satu soalselidik mengandungi dua bahagian telah dibangunkan di mana bahagian pertama merujuk kepada demografi responden, manakala bahagian kedua berdasarkan kepada konsep strategi kepimpinan Rasulullah dalam peperangan Badar. Sebanyak 16 item telah disediakan berdasarkan kepada 11 strategi kepimpinan Rasulullah s.a.w. Setelah dikemaskinikan, soalselidik tersebut telah dihantar kepada anggota KAGAT untuk melihat sejahteranakah pemimpin strategik mereka melaksanakan strategi peperangan yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Sebanyak 151 soalselidik yang telah dilengkapkan berjaya dikutip daripada mereka.

DAPATAN KAJIAN

Majoriti responden terdiri daripada lelaki (97.4%), berbangsa Melayu (94.0%), berumur 30 - 39 tahun (57%), berkahwin (58.9%), berpendapatan antara RM1001–RM2000 (49.7%), berpendidikan sekolah menengah kebangsaan (66.2 %) dan berkhidmat antara 11 - 15 tahun (34.4%). Sila rujuk kepada Jadual 1.

Jadual 1. Profil Responden

Bil	Item	Kekerapan	Peratus (%)
1	Lelaki	147	97.4
2	Melayu	142	94.0
3	30 – 39 Tahun	86	57.0
4	Berkahwin	89	58.9
5	1001 – 2000	75	49.7
6	Sek. Men. Kebangsaan	100	66.2
7	Berkhidmat 11 – 15 tahun	52	34.4

Sumber: Abdul Ghani (2013)

Majoriti responden memang mengenali kepimpinan KAGAT iaitu seramai 150 orang (99.3%). Sila rujuk kepada Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Kekerapan Responden mengikut pengetahuan mereka terhadap barisan pimpinan KAGAT.

Bil	Mengenali kepimpinan KAGAT	Kekerapan	Peratus (%)
1	Ya	150	99.3
2	Tidak	1	0.7
Jumlah		151	100.0

Sumber: Abdul Ghani (2013)

Jadual 3 menunjukkan kepimpinan strategik KAGAT mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Kajian yang dianalisis ini membuktikan bahawa seramai 112 (74.2 %) berpendirian sangat setuju perlaksanaan amalan bangun malam dalam membina kekuatan rohani anggota KAGAT. Ini menunjukkan perkara ini memang dititik beratkan oleh KAGAT. Seramai 111 responden atau 73.5 % menyatakan sangat setuju dengan konsep baiah dilaksanakan oleh pemimpin KAGAT, kerana ia lambang ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada sebarang arahan pimpinan. Manakala seramai 101 (66.9%) bersetuju dengan pembentukan pimpinan pelapis telah dilakukan oleh pemimpin strategik KAGAT.

Seramai 95 responden (62.9 %) menyatakan sangat setuju motivasi jihad telah dilakukan untuk menaikkan semangat ahli KAGAT. Seramai 92 responden atau 61 % menyatakan sangat setuju bahawa pemimpin mereka berdoa sebagai senjata paling penting dalam mencapai kemenangan. 92 responden (60.9 %) menyatakan setuju dengan pemimpin mereka mengadakan perjanjian pendamaian dengan kumpulan musuh dalam menghadapi musuh besar. 91 responden (60.3 %) menyatakan setuju pemimpin mereka mengkaji terlebih dahulu kekuatan musuh. Seramai 90 responden atau 59.6 % menyatakan sangat setuju bahawa bermesyuarat dan perbincangan sangat penting dalam mencapai kejayaan. 90 responden (59.6 %) sangat bersetuju dengan kenyataan pemimpin mereka berdoa apabila bertemu musuh.

Seramai 88 responden (58.3 %) menyatakan sangat setuju bahawa pemimpin mereka berinteraksi dan berlakunya tegur menegur dalam perjuangan mereka. Seramai 85 (56.3 %) sangat setuju berhubung kait hubungan ukhwah telah didedahkan dan diberi penekanan oleh pemimpin strategik KAGAT.

Seramai 77 responden (51%) bersetuju dengan kefahaman pemimpin mereka tentang faktor geografi lokasi perang dan persekitarannya sebelum berperang. Seramai 72 responden (47.7 %) menyatakan sangat setuju berhubung kait pemimpin KAGAT menghantar pasukan-pasukan kecil sebagai peninjau dan pemantau gerakan musuh sebelum berperang. Seramai 70 responden (46.4 %) menyatakan sangat setuju berhubung kait pembentukan unit-unit perisikan. Seramai 70 responden (46.4 %) menyatakan sangat setuju pemimpin KAGAT bertukar-tukar pandangan di kalangan mereka yang berpengalaman. Seramai 69 (45.7%) menyatakan sangat setuju berhubung kait pemimpin KAGAT mencipta, mempelbagaikan kaedah baru serta dapat menguasai teknik peperangan terkini.

Jadual 3: Kepimpinan Strategik KAGAT

Bil	Kategori	Kekerapan	Peratus (100%)
1.	Menerapkan Amalan Bangun Malam Untuk Mengukuhkan Ruh	112	74.2
2.	Berbaiah (Berjanji Setia) Dengan Para Sahabat Untuk Sama-Sama Berjuang Dan Mempertahankan Kebenaran	111	73.5
3.	Membentuk pemimpin pelapis	101	66.9
4.	Memotivasiikan Semangat Jihad Para Sahabat Untuk Berperang Di Jalan Allah	95	62.9
5.	Mengadakan Perjanjian Pendamaian Dengan Kumpulan Musuh Menghadapi Musuh Yang Besar	92	60.9
6.	Berdoa Bersungguh-Sungguh Ketika Perang	92	61.0
7.	Mengkaji Terlebih Dahulu Kekuatan Musuh	91	60.3
8.	Berdoa Apabila Melihat Musuh Atau Bertemu Musuh	90	59.6
9.	Sentiasa Bermesyuarat Dan Berbincang Dengan Para Sahabat	90	59.6
10.	Menasihati Dan Berpesan-Pesan Kepada Para Sahabat Agar Sentiasa Melakukan Kebaikan Ketika Berperang Dan Tidak Melampaui Batas	88	58.3
11.	Mempereratkan Hubungan Ukhwah	85	56.3
12.	Memahami faktor geografi lokasi perang dan persekitarannya sebelum berperang	77	51.0
13.	Menghantar pasukan-pasukan kecil sebagai peninjau dan pemantau gerakan musuh sebelum berperang	72	47.7
14.	Membentuk Unit-Unit Perisikan Perang Untuk Melakukan Intipan Dan Penyiasatan	70	46.4
15.	Menggabung Fikrah (Idea) Dan Bertukar Pandangan Di kalangan Sahabat Yang Bijak Dan perpengalaman	70	46.4
16.	Mencipta, Mempelbagaikan Kaedah Baru Serta Dapat Menguasai Teknik Peperangan Terkini	69	45.7

Sumber: Abdul Ghani (2013)

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. adalah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah iaitu bercirikan menegakkan kebenaran, penetapan keputusan bercirikan sistem syura, berpaksikan keadilan, kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa rasa takut dan bimbang. Peperangan Badar merupakan perintis penting kepada kejayaan dalam pelbagai situasi perjuangan sepanjang zaman. Kepimpinan strategik yang telah dilakarkan oleh Rasulullah s.a.w. merupakan satu perancangan yang amat rapi dan tersusun melalui pelbagai pendekatan telah menghasilkan kejayaan mutlak dan berkesan kerana hala tujuannya yang jelas.

Justeru itu, Rasulullah s.a.w. merupakan pemimpin strategik bagi umat Islam. Baginda merupakan model dan idola bagi umat Islam di seluruh dunia. Ini kerana baginda merupakan contoh terbaik; baginda adalah seorang maksum yang bebas daripada melakukan dosa. Saguyialah kita mengikut Baginda dalam segala perkara hatta dalam tugas-tugas memimpin. Dalam kajian ini, pemimpin KAGAT telah melaksanakan strategi kepimpinan Rasulullah s.a.w. Ini menunjukkan bagaimana KAGAT mampu untuk menjadi satu jabatan ketenteraan yang mengikut sunnah Rasulullah. Sehubungan itu, dengan meneruskan perlaksanaan strategi kepimpinan Rasulullah s.a.w ini, KAGAT akan dapat meningkatkan prestasinya sebagai satu jabatan ketenteraan yang hebat di negara ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, H. & Ainon, M. (2007). *Teori Dan Teknik Kepimpinan, Panduan Aplikasi Di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional, h. 69.
- Abdul Rahman Ra'fat al-Basya (1996). *Hadas Fi Ramadhan*, Darul Adab al-Islami, h. 32 dalam أعظم مؤتمر لشوري عرفه تاريخ الإسلام. Ibnu Hisyam, juz 1, cetakan 1955, h.614-615.
- Al-Bhukari, Abi Abdillah Muhammad ibni Ismail (1979). *Al-Jamie' as-Sobih lil Bhukari, Maktabah as-Salafiah*. Qaherah, juz 1, h. 284-285.
- Abdul Ghani Ahmad Zaighu (2013). Kepimpinan Strategik Rasulullah S.A.W. Dalam Peperangan Badar: Kajian Terhadap Perlaksanaanya Oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) di Gemas, Negeri Sembilan. Disertasi Master Syariah. Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 'Ali 'Abdul Halim Mahmud (1992). *Manhaj at-Tarbiyah Indal Ikhwan al Muslimin*. Misr: Darul Wafa' Mansurah, juz ke 2, h. 421-422.
- Ahmad Ibrahim, A. S. (1991). *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: DBP, h. 177-178.
- Ahmad Rotib 'Armush (1991). *Qiadah ar-Rasul as-Siyasah wal 'Askariyyah*. Amman: Darun Nafais, cetakan kedua, h. 168-169.

- Al-Bhukari, Abi Abdillah Muhammad ibni Ismail (1979). *Al-Jamie' as-Sobib lil Bhukari*. Kaherah: Maktabah as-Salafiah, juz 1, h. 284-285.
- Al-Fazlur Rahman (1990). *Muhammad Panglima Tentera* (ter). Shah Alam: Pustaka Hizbi, h. 17.
- Al-Imam al-Hafiz Ibnu Rejab al-Hambali (2006). *Jami' al-Ulum Wal-Hikam Fi Syarhi Khomsina Hadisan Min Jawaami Al-Kalam*. al-Maktab as-Saqafi linnashri wat-tauzi', h. 17.
- Al-Imam al-Jalil al-Hafiz Imaduddin, Abi Fida' Ismail bin Kasthir ad-Damsyiqi (2000). *Tafsir al-Quranul 'Azim*. Maktabah Aulad as-Syeikh Tuurath, juz ketujuh, h. 30.
- Aida Hanim, A. H. dan Ramakrishnan, K. (2020). Kepimpinan Strategik Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Di Sekolah Kluster Tamil Daerah Pasir Gudang. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(2), h. 57-64.
- Ahmad Azan, R., Mohd. Juraimy, Hj. K. & Hassan alBanna, M. (2013). "Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan Dan Pertahanan Nabi Muhammad SAW." *Ulum Islamiyyah Journal*, 10, Jun, h. 31-51.
- Al-Mubarakfuri, Ar-Rahiq al-Makhtum (1990). *Bahts fi al-Sirah al-Nabawiyyah 'Ala Shahibiba Afdal al-Shalat wa al-Salam*. Jeddah: al-Maktabah al-Qimah, h. 89.
- Al-Syafi'I, 'Ain Diba al—Syaibani (1982). *Hadaiq al-Anwar wa al-Mathali al-Asrar*. Dar al-Ihya' al- Turats al-Islamiyyah, cetakan ke 2, h. 353.
- Collins (1995). "Cobuild English Dictionary" (new edition). London: Harper Collins, h. 1948.
- Edaris, A. B. (2005). *Pengurusan Strategik – Konsep Dan Aplikasi Untuk Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, h. 2-3.
- Hashim. Al T. (1992). *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 51.
- Ibnu Hisyam (1955). *Sirah an-Nabawiyyah*. Al-Halabi Waauladihi Bimsr: Maktabah Mustapha Al-Babi, h. 258.
- Ibnu Jauzi, al-Hadaiq. *Fi Ilmi Wa Al-Zuhdiyyat*. Lubnan: Darul Kutub al-'Ilmiyyah, jilid 3, cet 3, h. 334.
- Ibnu Kathir (1978). *al-Bidayah Wan Nihayah*. Kaherah: Maktabah Darul Ma'arif, jilid 3, cetakan kedua, h. 224.
- Kamil Salamah (1994). *Dawlah al-Rasul Min al-Takwin Ila al-Tamkin*, cetakan pertama, h.35.
- Kamus Dewan, (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- M.Hawkins, J. (2000). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Shah Alam: Fajar Bakti, cet. ke 17, h. 889.
- Mohd Suhaimi, E. (2007). *Membina Organisasi - Satu Panduan*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd., h. 43-44.
- Muhammad Hussain, H. (1989). *Hayatul Mubammad*. Darul Maarif, cetakan ke18, h. 218.
- Noresah, B. (1998). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet ke 4, h. 517.
- Said Hawa (2001). *Khai Namdi Baiid dan Ihtiyajaatina Al'asr*. Kaherah: Maktabah Darussalam, h. 23.
- Said Ramadhan al-Buti (1989). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Damsyik: Darul Fikr, cetakan ke 17, h. 106.
- Sayyid Qutb (1980). *Khosoisu al-Tasawwur al-Islami*. Kaherah: Darul Syuruq, h. 182.
- Syith, M. (1974). *ar-Rasul al-Qaid*, Beirut: Darul Fikr, h. 83.
- Wan Liz, O. W. O. (th). *Pengurusan Islam abad ke 21, Revolusi Pengurusan Untuk Keunggulan Sektor Awam Dan Korporat*. KL: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., h. 60.
- Zuhair Muammah Afanah dan 'Ali Muhammad Yaakub (2005). *Durus Ibar Fi Sirah Khairul Basyar Muhammad*. Amman: Darun Nafais, cetakan pertama, h. 123.